

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

- Ayat-ayat di bawah **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, **kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C**. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan** dalam ayat berkenaan.

6. Kenderaan di jalan raya sungguh banyak sekali terutama pada waktu orang ramai keluar
bekerja. Tiada kesalahan
A B C D
7. Suara penyanyi itu merdu paling hingga semua orang yang mendengarnya terpukau. Tiada
kesalahan
A B C D
8. Lambat betul bas itu tiba sehingga lenguh kaki saya berdiri. Tiada kesalahan
A B C D
9. Adik terlalu degil sekali menyebabkan dia sering dimarahi oleh ibu. Tiada kesalahan
A B C D

Pilih ayat atau ayat-ayat yang **betul** dan tentukan bahawa anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai**

10. I. Walaupun latihan larian dilakukan setiap hari, namun Aiman tidak selaju Syamsul dalam acara larian 100 meter.
II. Pemain badminton negara sehebat pemain China.
III. Mazlin yang terpandai di dalam kelasnya terutama dalam mata pelajaran Matematik.
IV. Seniwati termasyhur itu telah meninggal dunia akibat sakit jantung.
A I dan II sahaja C II dan III sahaja
B I dan IV sahaja D III dan IV sahaja
11. I. Penduduk Taman Setia menunjukkan rasa pahit mereka atas kemalangan yang menimpa Pak Murad.
II. Peserta sekolah kami memenangi pertandingan pidato kerana dia amat petah bercakap.
III. Pemandu itu berasa sedih kerana gagal mendapat pekerjaan.
IV. Adik berjalan dengan pantas kerana terlewat ke sekolah.
A I dan II sahaja C II, III dan IV sahaja
B II dan III sahaja D III dan IV sahaja
12. I. Perhubungan mereka menjadi dingin kerana salah faham.
II. Berpakaian kemas dan bersih patut menjadi amalan semua.
III. Badan yang cerdas penting untuk menjalani aktiviti seharian.
IV. Sikapnya yang kanak-kanak tidak disukai semua.
A I dan II sahaja C II dan III sahaja
B I dan III sahaja D III dan IV sahaja

Sebahagian daripada ayat-ayat berikut telah digarisi. Bahagian yang **bergaris** itu **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan Bahasa dan **mungkin juga tidak**. Jika anda menganggap bahawa bahagian yang bergaris itu adalah **salah** dan perlu diubah, anda **hendaklah menandakan A, B atau C** sebagai pilihan jawapan anda. Jika **tiada kesalahan**, tandakan **D**.

13. Kami mendirikan khemah di sisi hutan Taman Negara.
 - A di dalam hutan Taman Negara.
 - B di sebelah hutan Taman Negara.
 - C di tepi hutan Taman Negara.
 - D di sisi hutan Taman Negara.
14. Setiap hari, Syahrul akan meletakkan keretanya di bawah pokok yang rendang itu.
 - A di dalam pokok yang rendang itu.
 - B di tengah pokok yang rendang itu.
 - C di atas pokok yang rendang itu.
 - D di bawah pokok yang rendang itu.
15. Safikah menjemur tilam itu kerana terdapat tetikus yang menyebabkan badan gatal-gatal.
 - A kerana terdapat pepijat
 - B kerana terdapat kekura
 - C kerana terdapat lelabi
 - D kerana terdapat tetikus

16. Siang-siang lagi Pak Fazli telah mengayuh basikal dengan cucunya di taman.
- A Cepat-cepat lagi
 - B Pantas-pantas lagi
 - C Malam-malam lagi
 - D Siang-siang lagi

Soalan 17 hingga Soalan 20 berdasarkan petikan.

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Lumut dan kawasan sekitarnya, termasuklah Pulau Pangkor bukanlah lokasi memancing yang terkenal. Namun begitu, bagi kaki pancing yang gemar merayau dan pernah ke sini, inilah gelanggang yang sering memberikan kejutan. Jika kena waktunya, kawasan ini seolah-olah *hidup siang dan malam*.

Peluang memancing ikan di sini sememangnya sentiasa ditunggu-tunggu dan amat menyeronokkan. Memang telah diakui bahawa pulau-pulau di perairan Selat Melaka yang tenang mempunyai bermacam-macam spesies ikan yang sentiasa lapar untuk meragut umpan. Jarak perjalanan ke kawasan ini pula lebih dekat, mudah, dan murah.

Kawasan di celah-celah batu di sekeliling Pulau Pangkor dan Sungai Dinding menjadi habitat kerapu, jenahak, jemuduk, dan merah. Pemancing gemar memancing ikan yang sangat besar di sini. Kawasan di antara muara Sungai Dinding hingga ke jambatan di bahagian hulu sungai ipula menjadi sarang kerapu walaupun saiznya tidak begitu besar. Di sini, arusnya tidak begitu deras dan ombaknya telah ditampan dan dipecahkan oleh tebing kayu bakau di Batu Hampar. Inilah kawasan tumpuan pemancing pantai yang tidak tahan bermain ombak atau yang sekadar ingin melakukan aktiviti bersama dengan keluarga.

17. Pemancing manakah yang dapat merasai kejutan tali pancingnya ditarik oleh ikan?
- A Pemancing pantai
 - B Pemancing yang pernah sampai dan memancing di sini
 - C Pemancing yang memancing di muara Sungai Dinding
 - D Pemancing yang memancing bersama dengan keluarga
18. Faktor utama pemancing gemar memancing di sekitar pulau di perairan Selat Melaka ialah
- A lautnya tenang
 - B ikannya besar-besar
 - C umpan mudah diperoleh
 - D tempat memancing lebih dekat
19. Pemancing yang datang untuk memancing bersama dengan keluarga memilih lokasi di muara Sungai Dinding kerana
- A ombaknya tidak besar
 - B banyak spesies ikan yang baik
 - C terdapat benteng pemecah ombak
 - D tidak perlu bersusah payah untuk turun ke laut
20. Mengapakah kawasan Pulau Pangkor dikatakan *hidup siang dan malam*
- A Sentiasa dikunjungi pemancing
 - B Sentiasa bising oleh bunyi enjin bot
 - C Menjadi tempat istirahat seisi keluarga
 - D Gelanggang bagi kaki pancing beradu kehandalan